

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

SOALAN NO. 136

TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) langkah proaktif untuk menjalani kanak-kanak dalam kategori kurang nutrisi di Malaysia khususnya dalam keluarga B40; dan
- b) program untuk memberi didikan dan bimbingan kepada ibu bapa (parental guidance) tentang kepentingan memberi makanan nutrisi agar ibu bapa sentiasa mengawal pemakanan anak-anak mereka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha mengesan kanak-kanak yang berisiko dan mengalami masalah kurang nutrien. Kanak-kanak berumur bawah lima (5) tahun yang hadir ke klinik kesihatan KKM akan diambil berat, panjang atau tinggi dan disaring daripada aspek kesihatan bagi mengesan taraf kesihatan dan pemakanan mereka. Manakala, kanak-kanak dari kaum Orang Asli yang berada di kawasan pedalaman juga dikesan melalui perkhidmatan Klinik Kesihatan Bergerak. Pada tahun 2018, seramai 1,572,158 orang kanak-kanak telah hadir ke klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 16,148 kanak-kanak dikesan mengalami masalah kurang berat badan, di mana, 8,455 orang (52%) adalah kanak-kanak daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Kanak-Kanak ini diberi bantuan di bawah Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan.

Langkah proaktif terkini adalah melalui kerjasama dengan pihak taska Kerajaan dan swasta. Kanak-kanak yang dikenal pasti mengalami masalah pertumbuhan melalui saringan pengambilan berat badan, ukuran panjang dan tinggi diminta untuk menasihatkan para ibu bapa supaya ke klinik kesihatan bagi pemeriksaan lanjut.

Bagi mengawal dan mencegah masalah kekurangan nutrien dalam kalangan kanak-kanak ini, aktiviti bimbingan kepada ibu bapa dijalankan di *setting* klinik kesihatan, TASKA, sekolah dan komuniti. Aktiviti tersebut adalah seperti tunjuk cara dan kepentingan pengukuran panjang, tinggi dan berat badan bayi dan kanak-kanak, sesi runding cara pemakanan bayi dan kanak-kanak, demonstrasi masakan, hebahan melalui bahan pendidikan dan sesi dialog interaktif bersama ibu bapa.

Sekian, terima kasih.